

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACP - 8820
INVC.....nms 14/2/02

**WEI YUN DAN FANG BEIFANG
SEBAGAI TOKOH KESUSASTERAAN MAHUA MODEN**

CHOO SIEW HWA

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT IJAZAH SARJANA SASTERA**

**JABATAN PENGAJIAN TIONGHOA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA**

2000

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573758

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Dr. Cheng Gek Nai. Sesungguhnya, sepanjang proses penyelidikan, beliau amat sabar membimbing dan memberi tunjuk ajar serta pandangan yang bernas. Beliau merupakan daya penggerak paling berharga bagi saya dalam usaha menyelesaikan penyelidikan akademik ini. Saya amat terharu terhadap dorongan serta usaha gigih beliau yang membaca draf-draf disertasi dan mengajukan cadangan yang membina untuk memperbaiki penyelidikan ini.

Ingin juga saya sujud ke bawah belaian kasih kedua-dua orang tua saya. Sokongan moral mereka telah banyak menguatkan nekad saya untuk menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan kepada Chen Xuefeng 陈雪风, Fang Cheng 方成 dan Li Jinzong 李锦宗. Mereka telah sudi memberi kerjasama sama ada untuk ditemubual mahupun untuk memberi idea, pandangan, bahan-bahan rujukan dan buku-buku demi melengkapkan kajian ini. Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada Lee Ai Chat, Loo Ie Hoon dan Wong Chong Wen yang membantu saya dalam penyediaan disertasi ini.

Rasa penghargaan dan terima kasih saya hulasakan juga kepada Perputakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan *National University of Singapore*, Singapura, yang banyak memberi bantuan dalam pengumpulan data, bahan-bahan penyelidikan dan buku-buku rujukan.

Akhirnya saya ingin menyusun jari sepuluh kepada ahli-ahli keluarga, serta kawan-kawan yang telah banyak menunjukkan perhatian mereka terhadap kemajuan disertasi saya.

SINOPSIS

Kesusasteraan Mahua Moden (KMM) merujuk kepada karya-karya sastera yang ditulis dalam bahasa Cina oleh penulis-penulis di Malaysia. Sejak kewujudannya pada tahun 1919 sehingga ke masa kini, kesusasteraan ini telah berkembang lebih daripada lapan puluh tahun di tanahair kita. Akan tetapi, disebabkan batasan bahasa dan kekurangan hasil-hasil penterjemahan, ramai pembaca yang tidak tahu bahasa Cina tidak dapat menghayati karya-karya sastera Mahua. Memandangkan keadaan ini, timbullah niat pengkaji demi berusaha mengkaji Kesusasteraan Mahua Moden. Adalah juga diharapkan hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat memperkayakan sastera kebangsaan dan mewujudkan variasi sastera dalam dunia sastera tanahair kita.

Kajian ini cuba mengkaji dan membandingkan karya novel dua tokoh KMM, iaitu Fang Beifang 方北方 (1918- -) dan Wei Yun 韦云 (1913-1996). Selain memperakui serta menghargai inisiatif dan kegigihan kedua-dua tokoh tersebut dalam perkembangan kesusasteraan Mahua, kajian ini juga bertujuan supaya dapat mengisi kekosongan dalam kajian perbandingan dan kritikan KMM.

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab 1 ialah suatu pengenalan tentang perkembangan KMM. Bab 2 menggariskan riwayat dan kronologi kegiatan penerbitan Fang Beifang dan Wei Yun. Bab 3 meninjau pandangan Wei

Yun dan Fang Beifang terhadap sastera, sedangkan Bab 4 dan Bab 5 bertumpu pada analisis fiksyen Wei Yun dan Fang Beifang masing-masing. Bab 6 adalah suatu perbandingan antara dua novel, iaitu *Qiantan* oleh Wei Yun dan *Shu da gen shen* oleh Fang Beifang. Bab 7 ialah rumusan.

SYNOPSIS

Modern Mahua literature refers to the literature written in Chinese by writers in Malaysia. It appeared in 1919 and since then, this literature has developed for more than eighty years. However, due to limitations of language and translation, many who do not know the Chinese language never have the opportunity to appreciate modern Mahua literature. This dissertation is an effort to investigate modern Mahua literature. It is hoped that with this research the national literature of Malaysia would be further enriched, and a new form of literature be established in the country.

This study compares the novels of two modern Mahua writers: Fang Beifang 方北方 (1918- -) and Wei Yun 韦晕 (1913-1996). In the study, the effort of these two writers are duly acknowledged for their initiative in developing modern Mahua literature and their contribution in modern Mahua literary criticism.

This research is divided into seven chapters. Chapter 1 gives an introduction to the development of modern Mahua literature. Chapter 2 chronicles the lives and works of Fang Beifang and Wei Yun respectively. Chapter 3 looks into the opinions of Wei Yun and Fang Beifang about literature. Chapter 4 analyses the novels of Wei Yun, and Chapter 5, the novels of Fang

Beifang. Chapter 6 compares *Qiantan* by Wei Yun and *Shu da gen shen* by Fang Beifang, and the last chapter offers a conclusion.

PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
SYNOPSIS	v
KANDUNGAN	vii
BAB 1 PENGENALAN KESUSASTERAAN MAHUA MODEN (KMM)	
1.1 Definisi Kesusasteraan Mahua Moden	1
1.2 Perkembangan KMM	3
1.3 Objektif dan Metodologi Kajian	39
BAB 2 WEI YUN DAN FANG BEIFANG: RIWAYAT HIDUP DAN KRONOLOGI KEGIATAN PENERBITAN	
2.1 Pengenalan	42
2.2 Wei Yun - Biodata dan Penglibatan dalam Kesusasteraan	43
2.3 Fang Beifang-Biodata dan Penglibatan dalam Arena Kesusasteraan	53
BAB 3 PANDANGAN WEI YUN DAN FANG BEIFANG TERHADAP SASTERA	
3.1 Realisme: Aliran Sastera Utama KMM	61
3.2 Pandangan Wei Yun Terhadap Sastera	65
3.3 Pandangan Fang Beifang Terhadap Sastera	74
3.4 Rumusan	81
BAB 4 KAJIAN TEMA FIKSYEN WEI YUN	
4.1 Pengalaman Hidup Para Perantau	87
4.2 Kehidupan Golongan Bawahan dalam Masyarakat Cina	92
4.3 Aktiviti Ekonomi di Kalangan Masyarakat Cina	99
4.4 Isu Pendidikan	101
4.5 Amalan Konvensional Masyarakat Cina	105
4.6 Masalah-masalah Etika Masyarakat	108
4.7 Keadaan Masyarakat Semasa Kedudukan Jepun	111
4.8 Isu Interaksi Kaum Cina dengan Kaum Lain	114
4.9 Persoalan Percintaan	117
4.10 Rumusan	

BAB 5 KAJIAN TEMA FIKSYEN FANG BEIFANG		
5.1	Pengalaman Hidup Orang Cina di Malaysia	121
5.2	Ekonomi Masyarakat Cina	129
5.3	Pendidikan Masyarakat Cina	131
5.4	Etika dan Budaya	138
5.5	Kekeluargaan	143
5.6	Percintaan dan Perkahwinan	144
5.7	Interaksi Kaum	146
5.8	Kahwin Campur	151
5.9	Penderitaan Golongan Miskin	152
5.9	Mengutuk Amalan Konvensional yang Negatif	154
5.10	Rumusan	155
BAB 6 <i>QIANTAN</i> DAN <i>SHU DA GEN SHEN</i> : SUATU PERBANDINGAN		
6.1	Pengenalan	156
6.2	Maksud Judul Novel- <i>Qiantan</i> dan <i>Shu da gen shen</i>	156
6.3	Perbandingan Tema antara <i>Qiantan</i> dengan <i>Shu da gen shen</i>	159
6.4	Perbandingan Struktur <i>Qiantan</i> dan <i>Shu da gen shen</i>	180
6.5	Perbandingan Plot	196
6.6	Perbandingan Gaya dan Penggunaan Bahasa	201
6.7	Perbandingan Latar	206
6.8	Rumusan	210
BAB 7 KESIMPULAN		212
LAMPIRAN		218
BIBLIOGRAFI		224